

# Pemimpin Pas digesa masuk kampung ajak rakyat bersyukur

UM 26 JUN 1990

KANGAR 25 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru para pemimpin Pas supaya lebih baik masuk ke kampung mengajak rakyat bersyukur atas segala nikmat yang ada, bukan mempengaruhi mereka menentang kerajaan.

Katanya, sebagai orang Islam, para pemimpin dan ahli-ahli Pas harus mengakui hakikat sebenar bahawa banyak perubahan telah dibawa oleh UMNO yang menerajui pemerintahan negara sejak mula mencapai kemerdekaan, berbanding sebelum merdeka dahulu.

"Hakikat ini tidak siapa pun boleh menafikan kerana kerajaan membina jalan untuk kegunaan semua rakyat, membina sekolah bagi semua anak belajar dan begitu juga dengan segala bentuk kemudahan lain."

"Malah kerajaan sekarang seolah-olah memberi wang saku kepada rakyat yang mengusahakan tanaman padi melalui pemberian subsidi, dan segalanya harus disyukuri oleh semua pihak," tegas Perdana Menteri.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap dalam satu perhimpunan kira-kira 5,000 petani seluruh Perlis di padang Sekolah Kebangsaan Serdang, Kurung Anai, 16 kilometer dari sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia sama-sama mengetahui beberapa hari lalu, satu malapetaka gempa bumi berlaku di Iran, dan sebelum itu banjir besar yang meragut beribu nyawa manusia terjadi di Amerika Syarikat dan China di samping kejadian angin ribut di Filipina, Bangladesh dan India.

Tetapi malapetaka sedemikian dilindungi Allah dari berlaku di Malaysia, dan rahmat ini juga harus disyukuri oleh rakyat, kerana tanpa malapetaka seperti itu, rakyat boleh memberi tumpuan bekerja untuk mencari kesempurnaan hidup.

Malah, katanya, bumi Malaysia yang subur ini bukan sahaja sedia

menerima sesuatu jenis tanaman yang diusahakan, tetapi batang kayu yang dipacak pada tanah untuk dibuat pagar pun, tumbuh menjadi pokok.

"Tetapi sayangnya, dalam segala bentuk rahmat yang dikurniakan Allah ini, masih ada golongan yang tidak bersyukur, dan masuk ke kampung - kampung menghasut rakyat, kononnya mereka tidak mendapat apa-apa kemudahan," tegas Perdana Menteri.

Beliau menyeru rakyat jangan mudah terpengaruh kepada hasutan sedemikian terutama oleh golongan yang kecewa kerana tidak dapat menjadi Perdana Menteri atau menteri, hingga sanggup membuat apa sahaja, asalkan niat jahat mereka tercapai.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak faham pegangan sebenar orang-orang dalam Semangat 46, kerana semasa mereka dalam kerajaan dahulu, masing-masing berkata kerajaan baik, tetapi setelah keluar dari kerajaan sekarang, berlainan pula nada suara dengan menghentam kerajaan.

"Ketika mereka dalam kerajaan dahulu, tugas diberi kepada mereka, tetapi mereka hanya pandai membuat pinjaman wang dari luar negeri, semata-mata untuk meyakinkan rakyat, hingga kerajaan terpaksa menanggung beban hutang," kata Perdana Menteri.

Beliau memberitahu, akibat perbuatan mereka itu, kerajaan terpaksa menjelaskan bayaran hutang luar negeri sebanyak \$50,000 juta, dan nasib baiklah hutang itu dapat dibayar, kalau tidak, Malaysia akan menjadi negara mufliis.

Katanya, sekarang, golongan tersebut tidak lagi bersama kerajaan, bukan sahaja selalu menghentam kerajaan, tetapi telah menjanjikan berbagai perkara untuk diberi kepada rakyat, jika mereka diberi mandat memerintah.